

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

Bil. (2) dlm. KKM-82/2/6 Bhg. 2

9 hb Januari, 1988

Pengarah Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan,
Negeri.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan,
Sabah/Sarawak.

Pengarah Yayasan Persekutuan.

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 2/1988

Perakuan Untuk Melanjutkan Tempoh Latihan Doktor Siswazah

Tujuan surat pekeliling ini adalah untuk mengingatkan pihak-pihak yang berkenaan tentang prosidur-prosidur memperakukan perlanjutan tempoh latihan doktor siswazah yang terkandung dalam Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan No. 7/1983 bertarikh 24hb September, 1983.

2. Adalah diperhatikan bahawa Ketua-Ketua Yunit/Jabatan sering kali gagal memberi sebab-sebab secara detail mengapa tempoh latihan doktor siswazah seseorang itu patut dilanjutkan. Melanjutkan tempoh latihan seseorang itu lebih-lebih lagi apabila lanjutan itu bagi tempoh yang agak panjang seperti dua atau tiga bulan, merupakan satu tindakan yang serious dan amat penting kepada orang-orang yang berkenaan. Oleh yang demikian perlanjutan tersebut tidak boleh dibuat dengan sewenang-wenangnya tanpa sebarang sebab yang munasabah. Sila minta Ketua Yunit atau Jabatan yang berkenaan mematohi peraturan ini.

3. Selain dari itu ada juga kalanya apabila seseorang itu yang telah dilanjutkan tempoh latihan mengadu bahawa beliau tidak pernah di tegur atau diberi amaran tentang prestasinya. Dengan ini adalah ditetapkan bahawa Ketua-Ketua Yunit dan Jabatan hendaklah memastikan sebarang teguran atau amaran yang serious dibuat secara bertulis. Satu salinan teguran atau amaran bertulis tersebut hendaklah dilampirkan bersama borang perakuan melanjutkan tempoh latihan doktor siswazah.

Saya yang menurut perintah,


TAN SRI DATUK (DR) ABDUL KHALID BIN SAHAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: YB Menteri Kesihatan
YB Timbalan Menteri Kesihatan
YB Setiausaha Parlimen
Ketua Setiausaha
Semua Ketua Bahagian
Pegawai Perhubungan Awam